



"APABILA RAKYAT BERGANTUNG KEPADA ANDA, ANDA MESTI BERAMANAH."
TAN SRI KHALID IBRAHIM, MENTERI BESAR SELANGOR



DITERBITKAN OLEH:
PEJABAT MENTERI BESAR SELANGOR
TINGKAT 20, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR

selangorku

APAKAH FAKTA SEBENAR HUTANG





HASIL SEMAKAN BEBAS TERHADAP KUTIPAN HUTANG TALAM

selangor.ku

Adakah kerajaan Selangor bailout Talam Corporation sebanyak RM1 billion?

Proses ini bukan bailout. Hasrat Kerajaan Negeri ialah mendapatkan semula hutang daripada Talam. Kami tidak boleh komen tentang bagaimana angka RM1 billion diperolehi seperti disebut kepada media kerana tidak terdapat dalam rekod Kerajaan negeri mahupun perjanjian penyelesaian dengan Talam.

Jika ini bukan bailout, apakah yang dilakukan kerajaan negeri?

Kerajaan negeri telah menjalankan proses mengutip hutang. Penyelesaian hutang boleh dalam bentuk tunai atau aset. Dalam kes ini, aset digunakan untuk menyelesaikan hutang. Kaedah pelaksanaan oleh kerajaan negeri adalah untuk mendapatkan aset daripada Talam menerusi perjanjian penyelesaian.

Apakah perbezaan antara bailout dan pemulihan hutang?

Bailout ditakrifkan sebagai perbuatan memberi bantuan kewangan kepada perniagaan yang gagal dengan tujuan untuk menyelamatkannya daripada bankrup.

Peruntukan bantuan kewangan ini ditakrifkan sebagai

- a) meminjam atau memberi pendahuluan sejumlah wang atau
- b) jaminan, menanggung rugi atau menyediakan cagaran kepada hutang.

Kerajaan negeri tidak menyediakan bantuan seperti yang dinyatakan di atas dan kerana itu proses ini bukan satu proses bailout.

Pemulihan hutang pula secara jelas bermaksud mengutip hutang daripada siberhutang yang menjadi hak pemiutang/pemberi hutang (kerajaan negeri).

Urusniaga antara Talam dan Kerajaan Negeri adalah situasi pemulihan hutang. Kerajaan negeri mengambil alih aset Talam dan menjualnya bagi mendapatkan semula hutang yang menjadi milik kerajaan negeri.

Bila dan bagaimana Talam berhutang dengan kerajaan negeri?

Hutang Talam timbul hasil perjanjian dengan 3 anak syarikat kerajaan negeri;

- Perjanjian Usahasama (JV) pada 1989-2002 antara PNSB berjumlah RM28.2 juta dan KHSB berjumlah RM115.1 juta dan
- Perjanjian penswastaaan pembinaan kampus UNISEL antara KNS dan Talam pada 2001 berjumlah RM248.7 juta

Adakah Kerajaan Selangor berjaya mendapatkan semula hutang daripada Talam?

Ya. Kesemua RM392 juta telah berjaya dikutip menerusi penyelesaian aset.

Bagaimana kerajaan negeri mengutip hutang ini?

Hutang ini telah diiktiraf oleh kedua-dua pihak menerusi Perjanjian Penyelesaian Menyeluruh antara Talam dan Menteri Besar Incorporated (MBI) pada 12 Mac 2010 dan Perjanjian Tambahan pada 9 April 2010. Hutang ini diselesaikan menerusi pemindahan tanah/hartanah dari Talam kepada MBI.

Sebanyak 74 aset dipindahkan melibatkan;

- 9 plot tanah dan dua hartanah bernilai RM671 juta (dengan RM275 juta hutang kepada bank)
- Pembayaran tunai oleh Talam sebanyak RM5 juta
- Pemindahan hutang sebanyak RM7.7 juta
- Pemindahan ekuiti sebanyak RM4.2 juta

Adakah cara ini kerajaan negeri berkompromi dengan kepentingannya pada bila-bila masa?

Tidak. Cara ini tidak menjejaskan kepentingan kerajaan negeri pada bila-bila masa kerana tidak melibatkan tunai. Ia lebih kepada penyelesaian hutang di mana Talam juga berusaha memastikan kerajaan negeri berjaya mendapatkan semula kesemua RM392 juta

Pernahkah usaha mendapatkan semula hutang daripada Talam dibuat oleh kerajaan negeri sebelum 2009?

Ya, kerajaan negeri pernah mengadakan pelbagai perjanjian penyelesaian pada 2005, 2007 dan 2008 untuk mendapatkan semula hutang daripada Talam. Bagaimanapun, usaha ini tidak pernah berjaya. Kutipan hutang hanya berjaya selepas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim membuat perjanjian penyelesaian menyeluruh dengan Talam.

Adakah pelaksanaan ini memberi keuntungan kepada kerajaan negeri?

Ya, kerajaan negeri mendapat manfaat daripada pelaksanaan ini, Perjanjian Penyelesaian Menyeluruh (GSA) telah meletakkan kerajaan negeri dalam kedudukan yang berfaedah di mana MBI menerima bayaran kedua kepada peminjam bercagar apabila sebelum ini ia telah dikumpulkan bersama-sama dengan lain-lain pemiutang tidak bercagar Talam. Ia kemudian diteruskan untuk memulihkan kesemua hutang daripada Talam, dengan tiada pengecualian hutang oleh MBI.

Adakah berlaku pelanggaran peraturan ketika proses pemindahan 74 aset ini?

Tidak, tiada pelanggaran peraturan. Aset-aset ini dipindahkan menerusi perjanjian penyelesaian dan penyelesaian tambahan serta perjanjian jual beli (S&P) kepada pembeli terakhir.

Wang disalurkan kepada bank dan bakinya kepada MBI. Proses ini dipantau teliti oleh MBI untuk memastikan MBI mendapat semula baki yang dihutang oleh Talam.

Timbul dakwaan bahawa sesetengah aset terlalu mahal menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri. Apakah situasi sebenar?

Audit mendedahkan terdapat pelbagai laporan penilaian yang telah dikemukakan kepada kerajaan negeri- dari penilaian luar dan Jabatan Penilaian. Kedua-dua penilaian ini kemudian telah dirujuk dalam melaksanakan kaedah penyelesaian ini.

Secara keseluruhannya, penilaian ini disokong oleh anggaran nilai kasar yang telah dipersetujui MBI. Oleh itu, rekod menunjukkan tiada aset yang terlebih bayar.

Adakah aset dibeli oleh anak syarikat? Jika ya, anak syarikat yang mana? Adakah mana-mana anak syarikat rugi selepas membeli aset ini?

Tidak semua penyelesaian aset ini melibatkan anak syarikat kerajaan negeri. Dua tanah telah dibeli oleh pihak ketiga.

- Anak syarikat yang membeli aset ini ialah PKNS
- (RM16.9 juta anggaran nilai kasar), PNSB
 - (RM438.5 juta anggaran nilai kasar) dan KHSB
 - (RM44.7 juta anggaran nilai kasar pertimbangan kasar)

*anggaran nilai kasar = anggaran sebelum ditolak hutang kepada bank)

Sudah terdapat pelan pembangunan oleh anak-anak syarikat ini untuk tanah yang dibeli. Dengan pelan pembangunan ini, anak-anak syarikat menjangkakan membuat keuntungan pada masa hadapan. Tiada kerugian disebabkan penurunan harga tanah.

Adakah ini keputusan komersil yang baik dibuat kerajaan negeri dan mengapa?

Ya, ini adalah keputusan komersil yang baik oleh kerajaan negeri kerana menerusi kaedah penyelesaian ini membolehkan MBI mengutip semua hutang Talam tanpa sebarang pengecualian.